

PM dukacita IPF tolak pelawaan MIC

12 FEB 2001

KOTA KINABALU, Anad Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dukacita dengan keputusan Barisan Progresif India (IPF) hari ini yang menolak pelawaan menyertai MIC.

Beliau berkata, Barisan Nasional (BN) sebelum ini berharap IPF dapat menimbang pelawaan menyertai MIC atau Parti Progresif Rakyat (PPP) kerana ia dianggap sebagai penyokong BN.

"Cara yang mudah ialah untuk IPF menyertai MIC, tetapi nampaknya mereka tak berminat," katanya menjawab soalan pemberita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan Umno Bahagian Gaya dan Tanjung Aru di Bangunan KWSP, di sini petang ini.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di sini untuk lawatan rasmi dua hari. Hadir sama pada perjumpaan selama kira-kira dua setengah jam itu ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Osu Sukam dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yacob.

Perwakilan IPF dalam undi sulit pada perhimpunan agung parti itu hari ini mengambil keputusan untuk terus kekal bersama parti berusia 13 tahun itu, sekaligus menolak tawaran MIC dan PPP untuk menyertai parti berkenaan.

Ditanya pandangannya mengenai penolakan IPF itu, Dr Mahathir berkata: "Dukacita kerana kita menghadapi masalah tidak dapat menerima IPF ke dalam BN sedangkan kita anggap IPF sebagai penyokong BN."

Menjawab soalan lain, beliau berkata IPF tidak boleh diterima menjadi anggota komponen BN kerana keputusan berbuat demikian mesti secara konsensus (muafakat).

"Saya memang harap mereka menerima mana-mana satu PPP atau MIC, tapi nampaknya pendirian mereka itu (ahli IPF) agak disokong oleh majoriti ahli," katanya.

Mengenai harapannya kepada IPF berikutan penolakan itu, Dr Mahathir menjawab: "Harap mereka terus sokong BN daripada luar."

Di KUALA LUMPUR, Presiden IPF Datuk M G Pandithan yang bercakap dalam sidang akhbar selepas perhimpunan sehari itu berkata, beliau amat gembira dengan keputusan yang dibuat melalui undi sulit itu dan berjanji akan terus memperjuangkan nasib 500,000 ahlinya di seluruh negara yang didakwa mewakili masyarakat peringkat bawah kaum India.

"Saya sungguh terharu dengan keputusan ini. Selepas ini, saya akan menghantar surat kepada semua pemimpin Barisan Nasional (BN) untuk memberitahu keputusan muktamad yang kita ambil ini. Saya akan terus memperjuangkan supaya IPF diterima menganggotai BN.

"Mungkin juga saya akan menemui Perdana Menteri untuk menjelaskan kepada beliau hasrat ahli IPF. Kita akan serah masa depan IPF di tangan Perdana Menteri.

"Kami tidak akan melihai ke belakang lagi dan ini adalah satu keputusan dibuat secara demokratik. Satu undi yang diberikan

itu (kepada MIC atau PPP) jelas menunjukkan ahli kami tidak mahu menyertai mana-mana parti lain kecuali IPF," katanya.

Sebanyak 2,945 undi bersetuju supaya ahli IPF tidak menyertai MIC atau Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP). Meskipun keputusan itu sudah dijangka, apa yang memeranjatkan ialah MIC dan PPP masing-masingnya cuma diberi satu undi.

Bagaimanapun, Pandithan tidak membuang undi bagi mengelak mempengaruhi aliran pengundian. Dua lagi undi rosak.

IPF adalah parti serpihan MIC yang ditubuhkan Pandithan 13 tahun lalu tetapi usahanya untuk menyertai Barisan Nasional (BN) ditolak sebelum ini kerana bantahan MIC. Namun, ia terus memberi sokongan padu kepada BN.

Tawaran MIC sebelum ini dibuat oleh presiden parti, Datuk Seri S Samy Vellu, selepas mendapat persetujuan sebulat suara daripada Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) akhir

bulan minggu lalu, atas kesedaran untuk menyatupadukan semula masyarakat India tempatan.

Samy Vellu juga memberi gambaran mungkin melantik Pandithan sebagai anggota CWC dengan menggunakan kuasanya sebagai Presiden MIC tetapi menolak permintaan Pandithan supaya beliau mengemukakan jaminan bertulis mengenai intipati tawarannya.

Beberapa pemimpin BN termasuk Dr Mahathir dan Abdullah mengemukakan tawaran MIC kepada IPF itu.

Ditanya sama ada beliau membuat mengemukakan surat rasmi atau bersedia untuk menemui Samy Vellu bagi memberitahu keputusan yang dibuat oleh perwakilan IPF, Pandithan berkata beliau bersedia bersemuka dengan Menteri Kerjaraya itu.

"Saya bersedia bekerjasama dengan Samy tetapi atas entiti yang berbeza, bukan nak masuk MIC atau mengajak Samy Vellu menyertai IPF. Dua parti masih boleh melakukan yang terbaik" katanya.